



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1413

AKTA PERIKANAN (PINDAAN) 2012

Tarikh Perkenan Diraja 30 Januari 2012

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 9 Februari 2012

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1413

AKTA PERIKANAN (PINDAAN) 2012

Suatu Akta untuk meminda Akta Perikanan 1985.

[]

BAHAWASANYA adalah suai manfaat untuk meminda undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perikanan di perairan perikanan Malaysia dan dengan penyu dan penangkapan ikan di sungai di Malaysia:

DAN BAHAWASANYA menurut Fasal (1) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang berkenaan dengan apa-apa perkara yang disenaraikan dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama, dan bahawasanya perikanan, termasuk penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara (tidak termasuk penyu), ialah suatu perkara yang disenaraikan dalam Senarai Persekutuan di bawah butiran 9 Senarai I dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan dan penangkapan ikan dan perikanan kelautan dan muara ialah juga perkara-perkara yang disenaraikan dalam Senarai Bersama di bawah butiran 12 Senarai IIIA Jadual Kesembilan tersebut berkenaan dengan Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak:

DAN BAHAWASANYA melalui Fasal (1)(b) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang berkenaan dengan apa-apa perkara yang disenaraikan dalam Senarai Negeri bagi maksud menggalakkan persamaan undang-undang bagi dua

Negeri atau lebih, dan bahawasanya penyu dan penangkapan ikan di sungai ialah perkara yang disenaraikan dalam Senarai Negeri di bawah butiran 12 Senarai II Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, INILAH **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perikanan (Pindaan) 2012.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 40

2. Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*] dipinda dalam seksyen 40 dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), permit untuk mengimport atau mengeksport apa-apa ikan hidup hendaklah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [*Akta 728*].

(4) Mana-mana orang yang mengimport atau mengeksport apa-apa ikan hidup tanpa permit yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

(5) Suatu permohonan bagi permit untuk mengimport dan mengeksport apa-apa ikan hidup hendaklah dibuat mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

(6) Penguatkuasaan berhubung dengan ikan hidup di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin hendaklah dijalankan oleh pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 mengikut kuasa di bawah Akta itu.

(7) Bagi maksud seksyen ini, “pintu masuk”, “stesen kuarantin” dan “premis kuarantin” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.”.

Kecualian

3. Apa-apa perkara yang berhubungan dengan permohonan bagi dan pengeluaran permit untuk mengimport dan mengeksport apa-apa ikan hidup yang belum selesai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini tidaklah terjejas oleh Akta ini dan hendaklah diteruskan seolah-olah Akta ini tidak diperbuat.